

# PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 5)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

*Carl Rogers* juga turut menyatakan empat perwatakan yang perlu agar perwatakan tersebut mampu menterjemah dan menilai Kendiri Sebenar untuk sampai ke peringkat penerimaan diri. Empat perwatakan tersebut adalah:

- a) ***Keterbukaan terhadap pengalaman:*** Demikian termasuklah dengan memandang realiti tanpa memutar belitkan atau hipokrit terhadapnya. Keterbukaan bermaksud mengambil pengajaran dan pengalaman daripada alam realiti sebagaimana adanya. Ia juga merujuk kepada keterbukaan kita menerima sesuatu yang tidak jelas. Demikianlah seseorang individu mempunyai kesedaran dan pengajaran diri yang tidak terkongkong, yang sentiasa diperolehinya daripada kehidupan realiti. Maka seseorang itu perlu sentiasa berkehendak untuk melalui dan menerima alam realiti serta terbuka untuk mempelajari sesuatu daripada pengalaman tersebut.
- b) ***Percaya diri:*** Ia adalah kepercayaan asas pada diri seseorang sebagai sesuatu yang menggalakkan perkembangan diri secara langsung dan penyesuaian diri dengan alam sekeliling secara positif. Tanpa sikap percaya diri, seseorang tidak akan dapat menghadapi atau menyelarikan di antara diri dan realiti kerana dia tidak memiliki kepercayaan diri terhadap kemampuan menyelesaikan masalah atau untuk meneliti pengalaman hari ini.
- c) ***Sumber penilaian dalaman:*** Komponen ketiga ini mempunyai hubungan yang amat rapat dengan komponen percaya diri. Ia bermakna bahawa seseorang perlu melihat atau menilai dengan pendirian dan sumber rasional sendiri bagi mendapatkan sesuatu jawapan atau penyelesaian terhadap masalah. Dengan itu, individu akan melihat sendiri untuk mengesahkan kesempurnaan dirinya sendiri. Secara ringkasnya, ini adalah pendekatan konsep pengurusan diri di mana individu membuat keputusan berdasarkan standard asal

tingkah laku dirinya. Apa yang terbaik adalah segala pilihan dan keputusan yang dibuat akan sentiasa berterusan pada diri sendiri.

- d) ***Kesanggupan untuk meneruskan peningkatan dan perkembangan:*** Perwatakan ini menitik beratkan keperluan bagi proses kewajaran yang berterusan. Ada pun kebanyakan individu lebih mengharapkan suatu perubahan, kejayaan dan kesenangan yang mendadak. Seseorang perlu sedar bahawa peningkatan dan perkembangan adalah proses jangka masa panjang. Dalam masa yang sama, individu akan memperolehi pengalaman, cabaran dan permasalahan.

CONTINUE...